

Mahu Malaysia 'merdeka' pendatang asing

SAYA tertarik dengan tulisan Zie M.S dari Cheras Kuala Lumpur dalam *Forum, Utusan Malaysia*, semalam.

Saya tinggal di Negeri Sembilan dan bertugas di salah sebuah pejabat swasta. Saya akan menaiki kenderaan awam untuk kerja-kerja luar termasuklah bas ekspres atau bas 'berhenti-henti'.

Saya memang sudah biasa merasakan bahawa saya seolah-olah bukan warganegara Malaysia walaupun hakikinya saya anak jati Malaysia.

Ke mana saja saya pergi jika menaiki kenderaan awam, boleh dikatakan 85 peratus yang ada dalam kenderaan awam terutamanya bas adalah warga asing.

Saya pun rasa hairan kerana seperti yang

sedia maklum bahawa kerajaan sudah menghantar ramai warga asing pulang ke negara masing-masing pada tahun 2006.

Benarkah mereka dihantar pulang atau tiada kawalan mengenai kemasukan mereka ke negara kita secara haram?

Tidak dapatkah pihak-pihak tertentu untuk menghalang mereka daripada terus berada di negara kita?

Jika saya pulang kampung, dalam bas yang saya naiki penuh dengan pendatang asing pelbagai warganegara.

Jika saya hendak katakan bahawa mereka ini pelancong, kenapa mereka kebanyakannya berhenti di kawasan yang banyak pokok getah ataupun ladang kelapa sawit atau kilang-kilang di kawasan pekan yang kecil?

UM - 9/5/2007

Untuk pengetahuan juga, saya pernah melihat pekan Bahau, Negeri Sembilan pada hari cuti umum atau hari tidak bekerja khususnya di Perhentian Bas Bahau, memang anda akan rasa takut berada lama di situ.

Ini kerana boleh dikatakan 90 peratus adalah warga asing. Jika anda tidak percaya, cubalah pergi ke sana. Saya juga pernah bertugas di Muar, Johor.

Di sana lebih ramai lagi warga asing daripada rakyat tempatan terutama negara jiran terdekat kita. Yang lebih tidak seronok lagi anda tidak akan dengar bahasa kebanggaan kita iaitu bahasa Melayu, tetapi bahasa yang tak dapat difahami, dan lebih buruk lagi mereka lebih berani mengganggu wanita Malaysia.

Saya dengan ini bersetuju dengan kata-kata Zie bahawa rakyat kita seolah-olah 'menumpang di negara sendiri'.

Saya juga berharap agar ada pihak tertentu dapat mengawal keadaan tersebut demi menjaga maruah dan kedaulatan rakyat Malaysia. Jadikanlah Malaysia sebagai negara yang benar-benar merdeka daripada warga asing khususnya pendatang haram sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan negara.

Jangan bila sudah melarat dan menjadi krisis suatu hari nanti baru hendak diambil tindakan. Mungkin pada masa itu semuanya sudah terlambat. Fikirkanlah.

**- RAKYAT MALAYSIA,
Negeri Sembilan.**